

## **LAMPIRAN B**

### **KRITERIA PENCALONAN ANUGERAH MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1442H/2020M**

Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan, Syarikat Swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan orang perseorangan dipelawa untuk membuat pencalonan bagi Anugerah Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1442H/2020M.

Setiap pencalonan yang berjaya akan menerima hadiah wang tunai, sijil penghargaan, plak serta cenderamata iringan dalam Majlis Sambutan Anugerah Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1442H/2020M. Perbelanjaan perjalanan, penginapan dan makan minum bagi penerima untuk menghadiri majlis sambutan tersebut ditanggung oleh kerajaan.

#### **GARIS PANDUAN PENCALONAN**

1. Calon mestilah Warganegara Malaysia, terbuka kepada lelaki dan perempuan.
2. Pencalonan terbuka kepada kakitangan agensi dan badan kerajaan, badan bukan kerajaan, syarikat swasta dan individu.
3. Calon kakitangan kerajaan terbuka kepada kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan.
4. Kriteria pemilihan pencalonan adalah seperti yang berikut :
  - (a) Memiliki ilmu dan kemahiran tinggi dalam bidang yang diceburi dan diiktiraf oleh masyarakat;
  - (b) Mempunyai akhlak, personaliti dan penampilan peribadi yang unggul serta boleh dijadikan ikutan dalam masyarakat;
  - (c) Telah memberi sumbangan dalam tugas yang mencabar dan berisiko tinggi;
  - (d) Telah memberi sumbangan yang kreatif dan inovatif;
  - (e) Telah memberi sumbangan ke arah kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara; dan
  - (f) Telah memberi sumbangan untuk memenuhi kewajipan fardu kifayah.

5. Pencalonan daripada Jabatan hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan masing-masing.
6. Setiap agensi boleh mengemukakan seorang pencalonan.
7. Pencalonan hendaklah diserahkan melalui borang pencalonan yang boleh diperoleh daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Jakim di alamat <http://www.islam.gov.my/muat-turun>. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia selewat-lewatnya pada **17hb. September 2020** ke alamat seperti yang berikut :

**Urus Setia Pencalonan Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah 1441H/ 2019M  
dan Maulidur Rasul SAW 1441H/ 2019M**

**Bahagian Maqasid Syariah**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**Aras 7, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya**

**No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman**

**Presint 3,**

**62100 PUTRAJAYA.**

**(u.p. : Puan Zaidah binti Mohd Nor / Encik Aizat Bukhari bin Salleh)**

**Telefon : 03-8870 7716/ 7711**

**Emel: zaidah@islam.gov.my/aizat@islam.gov.my**

8. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
9. Pemilihan Penerima Anugerah Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1442H/2020M akan diputuskan oleh sebuah panel yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Keputusan Panel Pemilihan adalah muktamad.
10. Hanya calon-calon yang berjaya sahaja akan dihubungi oleh pihak urus setia.

\*Sebarang pertanyaan berkaitan pencalonan bolehlah dirujuk kepada pihak urus setia seperti di alamat di atas.

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,  
Putrajaya.**